

**Terma dan Syarat**  
**Kempen Jadilah Saudagar AmBank DuitNow QR**  
**Tempoh Kempen: 1 Ogos 2021 hingga 31 Disember 2021**

**PERINGATAN:** Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma & syarat di bawah yang boleh didapati di [www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions](http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions). Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami sebarang terma dan syarat di bawah, Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan mana-mana kakitangan atau wakil sah Bank.

**Definisi**

“**Kumpulan AmBank**” merujuk kepada semua Syarikat dan Syarikat Bersekutu yang berkaitan dengan Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan terhadap “Kumpulan AmBank” dalam terma dan syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

“**AmOnline**” bermaksud perkhidmatan perbankan Internet yang ditawarkan oleh Bank kepada pelanggannya untuk melakukan transaksi perbankan melalui Internet mengikut terma dan syarat yang terdapat di <https://ambank.amonline.com.my>

“**Bank**” merujuk kepada AmBank (M) Berhad [No. Pendaftaran: 19690100016 (8515-D)] dan/atau AmBank Islamic Berhad [No. Pendaftaran: 199401009897(295576-U)], kedua-dua syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan Kumpulan AmBank, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Kempen**” bermaksud “**Kempen Jadilah Saudagar AmBank DuitNow QR**” ini dianjurkan oleh Bank mengikut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

“**CASA/CASA-i**” bermaksud Akaun Semasa/Akaun Simpanan dan Akaun Semasa-i /Akaun Simpanan-i.

“**Pelanggan**” merujuk kepada pelanggan individu baharu dan lama Bank yang memiliki CASA/CASA-i yang sah dengan Bank.

“**DuitNow QR**” merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan oleh Bank yang membolehkan pengguna Peranti Aplikasi Mudah Alih AmOnline membuat bayaran kepada Saudagar untuk barangan dan perkhidmatan yang diperolehi dan/atau dibeli dan/atau melakukan pemindahan kepada benefisiari dengan menggunakan kod Respons Pantas (QR) dua dimensi unik yang dijana oleh benefisiari. Perkhidmatan ini disediakan melalui Aplikasi AmOnline.

“**Pembayaran DuitNow QR kepada Pedagang (P2M)**” merujuk kepada bayaran oleh Pelanggan ke dalam akaun Saudagar menggunakan DuitNow QR. Pelanggan membuat pembayaran dengan mengimbas Kod QR Saudagar menggunakan AmOnline atau Peranti Mudah Alih yang lain.

“**Saudagar**” termasuk Pelanggan-Pelanggan yang mendaftar dengan Bank untuk menjadi Saudagar DuitNow QR untuk menerima bayaran melalui DuitNow QR untuk barangan dan perkhidmatan daripada seseorang pelanggan.

“**Peranti Mudah Alih**” merujuk telefon bimbit atau peranti komunikasi lain yang digunakan untuk mengakses DuitNow QR dan/atau aplikasi mudah alih AmOnline.

**Terma dan Syarat**  
**Kempen Jadilah Saudagar AmBank DuitNow QR**  
**Tempoh Kempen: 1 Ogos 2021 hingga 31 Disember 2021**

“**Notis Terdahulu**” bermaksud notis bertulis oleh Bank berkenaan fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu dalam tempoh sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar.

**Tafsiran:** Simpan di mana sebaliknya ditunjukkan, sebarang rujukan dalam terma dan syarat ini untuk:

- a) perkataan yang merujuk kepada nombor tunggal hendaklah merangkumi nombor jamak dan juga sebaliknya;
- b) perkataan yang merujuk kepada jantina neuter atau maskulin hendaklah merangkumi jantina feminin dan jantina maskulin atau neuter, mengikut mana yang berkenaan;
- c) “Perbadanan Bersekutu” mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana berkenaan; and
- d) “Syarikat Yang Berkaitan” mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

### **Tempoh Kempen**

Kempen ini akan bermula pada **1 Ogos 2021 hingga 31 Disember 2021** (merangkumi kedua-dua tarikh tersebut) ("**Tempoh Kempen**"). Bank berhak mengakhiri Kempen pada bila-bila masa selepas memenuhi semua hadiah kepada para pemenang.

### **Kelayakan**

1. Kempen ini terbuka untuk semua Pelanggan bukan individu baharu dan sedia ada yang mendaftar dengan Bank sebagai DuitNow QR Saudagar sepanjang Tempoh Kempen dan menerima pembayaran untuk barang dan perkhidmatan dari pelanggan mereka melalui DuitNow QR, **KECUALI** kategori Pelanggan berikut:
  - A. Mana-mana pelanggan yang:
    - i. Pelanggan individu; atau
    - ii. Saudagar DuitNow QR yang sedia ada
  - B. Kakitangan tetap dan/atau kontrak AmBank dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, adik-beradik dan ibu bapa)

(selanjutnya dirujuk sebagai '**Pelanggan yang Layak**')

### **Mekanik**

1. Pelanggan yang Layak hendaklah mendaftar untuk DuitNow QR dengan Bank dan menerima secara minima sepuluh (10) pembayaran DuitNow QR untuk barangan dan perkhidmatan dari pelanggan mereka sepanjang Tempoh Kempen dan setiap bayaran mestilah sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lima (RM5) dan dibayar melalui DuitNow QR sepanjang Tempoh Kempen ("**Transaksi yang Layak**").
2. Kempen ini dijalankan atas atas dasar yang terdahulu, diutamakan.

**Terma dan Syarat**  
**Kempen Jadilah Saudagar AmBank DuitNow QR**  
**Tempoh Kempen: 1 Ogos 2021 hingga 31 Disember 2021**

3. Bank berhak untuk meminda/memperbaiki mekanisme/proses pemilihan bila-bila masa dengan memberikan Notis Terdahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui SMS/surat elektronik/surat.

**Hadiah**

1. Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen (“Hadiah”) adalah seperti berikut:

Jadual 1: Hadiah Kempen

<b>Hadiah</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Jumlah Pemenang</b>
Wang Tunai RM100	1 Ogos 2021 hingga 31 Disember 2021	1,350

2. Setiap Pelanggan yang Layak berhak memenangi hanya **Satu (1)** Hadiah sepanjang Tempoh Kempen.
3. Hadiah akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak/Pemenang dalam tempoh empat (4) minggu selepas tamat Tempoh Kempen dan Hadiah akan dinyatakan pada penyata akaun pada bulan berikutnya.
4. Bank tidak akan melayan permintaan dari Pelanggan yang Layak untuk memindahkan Hadiah ke akaun yang lain yang dikedalikan dengan Bank atau institusi kewangan yang lain atau akaun pihak ketiga.
5. CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak tidak boleh dorman atau ditutup sepanjang Tempoh Kempen dan pada saat Hadiah dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak.
6. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau lain-lain.
7. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak:
  - (a) Bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini;
  - (b) Setuju bahawa semua rekod transaksi yang direkodkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Kempen adalah berdasarkan tarikh dan waktu tempatan, serta tepat dan muktamad;
  - (c) Setuju bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat semua Pelanggan yang Layak. Tiada rayuan atau surat-menyurat selanjutnya akan dilayan;

**Pemilihan Pemenang**

1. Pada akhir Tempoh Kempen, Bank akan memilih Pelanggan yang Layak yang telah berjaya mendaftar sebagai DuitNow QR Merchant dengan Bank dan memenuhi syarat Transaksi yang Layak seperti yang dinyatakan di atas sepanjang Tempoh Kempen.
2. Pelanggan yang Layak yang merupakan orang pertama yang memenuhi Transaksi yang Layak akan memenangi Hadiah.

**Terma dan Syarat**  
**Kempen Jadilah Saudagar AmBank DuitNow QR**  
**Tempoh Kempen: 1 Ogos 2021 hingga 31 Disember 2021**

3. Sebanyak seribu tiga ratus lima puluh (1,350) pemenang akan dipilih sepanjang Tempoh Kempen.
4. Untuk mengelakkan keraguan, Hadiah adalah terhad berdasarkan Jadual **Hadiah** yang dinyatakan di atas sepanjang Tempoh Kempen.

**Kehilangan Kelayakan**

1. Bank berhak membatalkan penyertaan Pelanggan yang Layak untuk tujuan Kempen ini tanpa memberitahu Pelanggan yang Layak sekiranya:
  - (a) CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak ditutup dalam waktu empat (4) minggu sebelum berakhirnya Tempoh Kempen; atau
  - (b) Pelanggan yang Layak telah memberikan maklumat yang tidak benar atau melakukan penipuan dengan cara apa-apa pun sepanjang Tempoh Kempen; atau
  - (c) Pelanggan yang Layak telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini; atau
2. Pelanggan yang Layak yang telah melakukan atau dicurigai melakukan tindakan penipuan, tidak sah atau salah berkaitan salah satu kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis atau dikenakan prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau sepanjang Tempoh Kempen tidak layak untuk menyertai dan/atau akan segera dibatalkan untuk menyertai Kempen.
3. Pelanggan yang Layak yang telah melakukan atau ditentukan oleh Bank berpotensi untuk melakukan tindakan yang salah sepertimana yang ditetapkan di sini akan segera dibatalkan untuk menyertai Kempen.
4. Transaksi DuitNow QR yang dilakukan antara akaun yang berbeza dari pemegang akaun yang sama sama ada dari entiti bank yang sama atau entiti bank yang berlainan tidak akan layak sebagai sebahagian daripada Transaksi yang Layak.

**Umum**

1. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak memberi persetujuan dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di sini yang akan dibaca bersama dengan:
  - (a) Terma dan Syarat Umum untuk Akaun dan Perkhidmatan, dan
  - (b) Terma dan Syarat Khusus untuk Akaun Semasa atau Simpanan Berasaskan Komoditi Murabahah (hanya terpakai untuk CASA-i).Pelanggan yang Layak diminta untuk log masuk ke laman sesawang rasmi Bank di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk sebarang maklumat terkini Kempen atau terma dan syarat terkini, jika ada.
2. Keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini mengikat dan muktamad dan tiada sebarang surat-menyurat atau rayuan akan dilayan.
3. Semua persoalan mengenai pembinaan, kesahan, penguatkuasaan dan pentafsiran terma dan syarat yang ditetapkan di sini akan oleh, ditafsir dan dikuatkuasa menurut undang-undang Malaysia. Pihak-pihak dengan ini menyerah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia untuk tujuan tuntutan, tindakan atau proses lain yang timbul dari atau berdasarkan terma dan syarat di sini.

**Terma dan Syarat**  
**Kempen Jadilah Saudagar AmBank DuitNow QR**  
**Tempoh Kempen: 1 Ogos 2021 hingga 31 Disember 2021**

4. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak atas sebarang kerosakan atau kerugian yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan nama baik, pendapatan atau keuntungan atau kerugian berbangkit, langsung atau tidak langsung, teladan, kecil, punitif atau kerugian khas bagaimanapun timbul berkaitan dengan penyertaan dalam Kempen, atau Bank yang menjalankan haknya menurut mana-mana terma dan syarat di sini kecuali dan melainkan jika kerugian atau kerosakan tersebut secara langsung disebabkan oleh kelalaian melampau, kemungkiran sengaja atau penipuan Bank.
5. Bank berhak untuk menangguhkan, menghentikan atau membatalkan Kempen pada bila-bila masa dengan memberikan Notis Terdahulu kepada Pelanggan yang Layak di laman sesawang Bank di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my).
6. Bank mempunyai hak dan budi bicara untuk mengubah, meminda, menamatkan atau menambah mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan secara khusus di sini, secara keseluruhan atau di mana-mana bahagian dari semasa ke semasa, dengan pemberian Notis Terdahulu.
7. Tiada pampasan dalam bentuk wang tunai atau jenis apa pun yang akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung dari pindaan, variasi, penamatan, penambahan atau perubahan dalam syarat-syarat di sini melainkan disebabkan oleh kecuaiian dan/atau kegagalan pihak Bank.
8. Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak atas kerugian atau kos (termasuk kehilangan peluang perniagaan atau keuntungan) yang disebabkan oleh keadaan tidak normal dan tidak dapat dijangka dan di luar kawalan wajar Bank yang tidak dapat dielakkan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kemalangan, tindakan penganas, kerosakan mesin, kekecohan awam, kebakaran, pertikaian industri, kerusuhan buruh, penguncian, bencana alam, rusuhan, mogok, perang (sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), atau sistem pemprosesan data, elektrik, kegagalan sistem telekomunikasi atau pautan penghantaran.
9. Versi Bahasa Inggeris terma dan syarat ini juga tersedia ada. Sekiranya terdapat percanggahan atau konflik dalam pentafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini akan dianggap setara, dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan adalah membawa makna yang sama.
10. Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Kempen ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank di 03-2178 8888 (Isnin - Ahad, 8.00 pagi hingga 8.00 malam) atau hantar e-mel ke [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)

Tamat